

D.R. 33/2002

RANG UNDANG-UNDANG KEWANGAN  
(No. 2) 2002

SUSUNAN FASAL

BAB I

PERMULAAN

Fasal

1. Tajuk ringkas
2. Pindaan Akta

BAB II

PINDAAN KEPADA AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967

3. Permulaan kuat kuasa pindaan kepada Akta Cukai Pendapatan 1967
4. Pindaan seksyen 6
5. Pindaan seksyen 7
6. Pemotongan seksyen 11
7. Pindaan seksyen 15A
8. Pindaan seksyen 18
9. Pemotongan seksyen 31
10. Pemotongan seksyen 37
11. Pindaan seksyen 38
12. Pindaan seksyen 60c
13. Pemotongan seksyen 60E
14. Pindaan seksyen 75
15. Seksyen baru 75A
16. Pindaan seksyen 82
17. Seksyen baru 82A
18. Pindaan seksyen 107A

## Fasal

19. Pindaan seksyen 108
20. Pindaan seksyen 111
21. Pemotongan seksyen 128
22. Pindaan seksyen 131
23. Pindaan Jadual 1
24. Pindaan Jadual 3
25. Pindaan Jadual 4
26. Pindaan Jadual 4A
27. Pindaan Jadual 4c
28. Pindaan Jadual 6
29. Pindaan Jadual 7A

## BAB III

## PINDAAN KEPADA AKTA CUKAI PENDAPATAN (PINDAAN) 2002

30. Permulaan kuat kuasa pindaan kepada Akta Cukai Pendapatan (Pindaan) 2002
31. Pindaan seksyen 30
32. Pindaan seksyen 31

## BAB IV

## PINDAAN KEPADA AKTA SETEM 1949

33. Permulaan kuat kuasa pindaan kepada Akta Setem 1949
34. Pindaan seksyen 9
35. Pindaan seksyen 47A
36. Pindaan Jadual Pertama

## BAB V

PINDAAN KEPADA AKTA CUKAI AKTIVITI PERNIAGAAN LUAR PESISIR  
LABUAN 1990

37. Permulaan kuat kuasa pindaan kepada Akta Cukai Aktiviti Perniagaan Luar Pesisir Labuan 1990
38. Pindaan seksyen 2
39. Pindaan seksyen 16
40. Seksyen baru 26

## RANG UNDANG-UNDANG

*bernama*

Suatu Akta untuk meminda Akta Cukai Pendapatan iyo/, AKta Cukai Pendapatan (Pindaan) 2002, Akta Setem 1949 dan Akta Cukai Aktiviti Perniagaan Luar Pesisir Labuan 1990.

**DIPERBUAT** oleh Parlimen Malaysia seperti yang berikut:

BABI

PERMULAAN

**Tajuk ringkas**

1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta Kewangan (No.. 2) 2002.

**Pindaan Akta**

2. Akta Cukai Pendapatan 1967 [*Akta 53*], Akta Cukai Pendapatan (Pindaan) 2002 [*Akta A1151*], Akta Setem 1949 [*Akta 378*] dan Akta Cukai Aktiviti Perniagaan Luar Pesisir Labuan 1990 [*Akta 445*] dipinda mengikut cara yang dinyatakan masing-masing dalam Bab II, III, IV dan V.

**BAB II****PINDAAN KEPADA AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967****Permulaan kuat kuasa pindaan kepada Akta Cukai Pendapatan 1967**

3. (1) Seksyen 4, 6, 8, 9, 10, 11, 12, 13, 16, 17, perenggan 19(a), seksyen 20, 21, 22, 23, 28 dan 29 hendaklah berkuat kuasa bagi tahun taksiran 2003 dan tahun-tahun taksiran yang berikutnya.

(2) Seksyen 5 disifatkan telah mula berkuat kuasa bagi tahun taksiran 2002 dan tahun-tahun taksiran yang berikutnya.

(3) Seksyen 7, 18 dan 24 mula berkuat kuasa pada 21 September 2002.

(4) Seksyen 14, 15 dan 27 hendaklah berkuat kuasa dari mula berkuatkuasanya Akta ini.

(5) Perenggan 9(b) disifatkan telah mula berkuat kuasa dari tahun taksiran 2001 dan tahun-tahun taksiran berikutnya.

(6) Seksyen 25 dan 26 disifatkan telah mula berkuat kuasa dari tahun taksiran 2000 (tahun semasa) dan tahun-tahun taksiran yang berikutnya.

**Pindaan seksyen 6**

4. Seksyen 6 Akta ini dipinda dengan memotong perenggan (1)fgj.

**Pindaan seksyen 7**

5. Seksyen 7 Akta ini dipinda dalam perenggan (1)(b) dalam proviso, dengan memasukkan selepas perkataan "such period" perkataan "that period, as the case may be, if he is in Malaysia immediately prior to and after that temporary absence".

**Pemotongan seksyen 11**

6. Akta ini dipinda dengan memotong seksyen 11.

**Pindaan seksyen ISA**

7. Seksyen 15A Akta ibu dipinda—

- (a) dengan menggantikan noktah di hujung subperenggan (iii) dengan titik bertindih; dan
- (b) dengan memasukkan di bawah subperenggan (iii) proviso yang berikut kepada seksyen 15A:

"Provided that in respect of paragraphs (a) and (b), this section shall apply to the amount attributable to services which are performed in Malaysia."

**Pindaan seksyen 18**

8. Seksyen 18 Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas takrif "insurance" takrif yang berikut:

' "licensed Malaysian offshore bank" has the meaning assigned to it by the Labuan Offshore Business Activity Tax Act 1990 [Act 445];'

**Pemotongan seksyen 31**

9. Akta ibu dipinda dengan memotong seksyen 31.

**Pemotongan seksyen 37**

10. Akta ibu dipinda dengan memotong seksyen 37.

**Pindaan seksyen 38**

11. Seksyen 38 Akta ibu dipinda—

- (a) dengan menggantikan subperenggan (l)(b)(ii) dengan subperenggan yang berikut:

"(ii) any expenses incurred for the repair or maintenance of the premises (excluding expenses of a capital nature and expenses incurred in connection with the upkeep of land attached to the premises for use by way of amenity as garden or grounds)

which the employee, pursuant to the terms on which that accommodation is so provided, is legally bound to meet in respect of that accommodation during that period;"

- (b) dalam subseksyen (4), dengan menggantikan perkataan "paragraph 31(3)(b)" dengan perkataan "subsection (6)"; dan
- (c) dengan memasukkan selepas subseksyen (5) subseksyen yang berikut:

"(6) In the application of subsection (4) in relation to a person's gross income from his employment where the expense, to which subparagraph (1)(b)(ii) applies is payable for a period (in this subsection referred to as the "overlapping period") which overlaps the basis period or part of the basis period, the amount of the expense to be deducted from that gross income shall be determined in accordance with the following formula:

$$\frac{A \times C}{B}$$

where A is the number of days living accommodation is provided in the basis period or part of the basis period that falls in the overlapping period;

B is the total number of days in the overlapping period; and

C is the amount of expenses to which subparagraph (1)(b)(ii) applies."

Pindaan seksyen 60c

**12.** Seksyen 60c Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas perkataan "derived" perkataan " excluding the gross income, adjusted income or adjusted loss and statutory income attributable to an offshore business activity of a licensed Malaysian offshore bank".

**Pemotongan seksyen 60E**

13. Akta ibu dipinda dengan memotong seksyen 60E.

**Pindaan seksyen 75**

14. Seksyen 75 Akta ibu dipinda dalam subseksyen (1)—

- (a) dengan menggantikan perkataan "Notwithstanding anything to the contrary to this Act or any other written law, the" dengan perkataan "The"; dan
- (b) dengan memotong perkataan "including the payment of tax".

**Seksyen baru 75A**

15. Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 75 seksyen yang berikut:

**"Director's liability**

75A. (1) Notwithstanding anything to the contrary to this Act or any other written law, where any tax is due and payable under this Act by a company, any person who is a director of that company during the period in which that tax is liable to be paid, shall be jointly and severally liable for such tax that is due and payable and shall be recoverable under section 106 from that person.

(2) In this section, "director" means any person who—

- (a) is occupying the position of director (by whatever name called), including any person who is concerned in the management of the company's business; and
- (b) is, either on his own or with one or more associates within the meaning of subsection 139(7), the owner of, or able directly or through the medium of other companies or by any other indirect means to control, more than fifty per cent of the ordinary share capital of the company ("ordinary share capital" here having the same meaning as in the definition of "director" in section 2)".

*Rang Undang-Undang*

**Mndaan seksyen 82**

6. Seksyen 82 Akta ibu dipinda dalam .subseksyen (1) dengan icnggantikan perkataan "Subject" dengan perkataan Notwithstanding section 82A and subject".

**leksyen baru 82A**

7. Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 82 eksyen yang berikut:

**"Duty to keep documents for ascertaining chargeable income and tax payable**

82A. (1) Subject to this section, every person who is required to furnish a return of his income for a year of assessment under this Act shall keep and retain in safe custody sufficient documents for a period of seven years from the end of that year of assessment for the purposes of ascertaining his chargeable income and tax payable.

(2) Where a person referred to in subsection (1) has not furnished a return as required under this Act for a year of assessment, that person shall keep and retain the documents referred to in subsection (1) that relate to that year of assessment for a period of seven years after the end of the year in which the return is furnished.

(3) The Director General may waive all or any of the provisions of subsection (1) in respect of any income or deductions.

(4) Any person who is required by this section to keep documents and—

- (a) does so electronically shall retain them in an electronically readable form and shall keep the documents in such a manner as to enable the documents to be readily accessible and convertible into writing; or
- (b) has originally kept documents in a manual form and subsequently converts those documents into an electronic form shall retain those documents prior to the conversion in their original form.

(5) All documents that relate to any income in Malaysia shall be kept and retained in Malaysia.

(6) For the purposes of this section, "documents" means—

(a) statement of income and expenditure; and

(b) invoices, vouchers, receipts and such other documents as are necessary to verify the particulars in a return."

### **Pindaan seksyen 107A**

18. Seksyen 107A Akta ibu dipinda—

(a) dalam perenggan (l)(a), dengan menggantikan perkataan "fifteen" dengan perkataan "ten"; dan

(b) dalam perenggan (l)(b), dengan menggantikan perkataan "five" dengan perkataan "three".

### **Pindaan seksyen 108**

19. Seksyen 108 Akta ibu dipinda—

(a) dengan memasukkan selepas subseksyen (1) subseksyen yang berikut:

"(1A) For the purpose of subsection (1), where a company to which paragraph 2A of Schedule 1 applies, the rate applicable to that company shall be the lower of the two rates specified in that paragraph."; dan

(b) dengan memasukkan selepas subseksyen (15) subseksyen yang berikut:

"(16) Notwithstanding the foregoing subsections, where—

(a) the excess is increased by an amount under subsection (7) or (9); or

(b) the amount due is increased by an amount under subsection (10),

the Director General may in his discretion, for any good cause shown, remit the whole or any part of that amount and, where the amount remitted has been paid, the Director General shall repay the same."

### **Pindaan seksyen 111**

**20.** Seksyen 111 Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas subseksyen (1) subseksyen yang berikut:

"(!A) Where a company has furnished a return in accordance with subsection 77(1A) to the Director General for a year of assessment and that company has paid tax in excess of the amount payable—

- (a) that return shall be deemed to be a notification under subsection (1); and
- (b) that company is deemed to have been notified of the excess amount on the day that return is furnished.

(!B) Where subsection (!A) applies—

- (a) the reference to tax shall be taken to be a reference to an amount of tax set-off under section 110; and
- (b) the reference to amount payable shall be taken to be a reference to the amount of tax payable before taking into account the tax set-off under section 110."

### **Pemotongan seksyen 128**

21. Akta ibu dipinda dengan memotong seksyen 128.

### **Pindaan seksyen 131**

**22.** Seksyen 131 Akta ibu dipinda dalam subseksyen (2) dengan memotong perkataan "and section 128(5)".

**Pindaan Jadual 1**

23. Jadual 1 Akta ibu dipinda—

(a) dalam Bahagian I—

- (i) dalam subperenggan 2(a), dengan memasukkan selepas perkataan "company" perkataan "other than a company to which paragraph 2A applies"; dan
- (ii) dengan memasukkan selepas perenggan 2 perenggan yang berikut:

"2A. Subject to paragraph 3, income tax shall be charged for a year of assessment on the chargeable income of a company resident in Malaysia which has a paid-up capital in respect of ordinary shares of less than two million five hundred thousand ringgit at the beginning of the basis period for a year of assessment at the following rates:

<i>Chargeable income</i>	<i>RM</i>	<i>Rate of income tax</i>
For every ringgit of the first	100,000	20 per cent
For every ringgit exceeding	100,000	28 per cent"; dan

(b) dengan memotong Bahagian VII.

**Pindaan Jadual 3**

24. (1) Jadual 3 Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas perenggan 79 perenggan yang berikut:

"80. The Minister may prescribe a building which is constructed or purchased by any person and used by him for the purposes of his business as an industrial building and the amount of the allowance or allowances which would otherwise fall to be made to him under paragraph 12, 16 or 42."

(2) Jika Merited telah meluluskan suatu bangunan sebagai bangunan perindustrian atau suatu amaun elaun atau elaun-elaun sebagai suatu amaun elaun atau elaun-elaun yang jika tidak akan masuk di bawah perenggan 12, 16 atau 42 Jadual 3 Akta ibu, sebelum mula berkuatkuasanya subseksyen (1)—

- (a) kelulusan itu hendaklah dianggap suatu penetapan yang dibuat di bawah perenggan 80 Jadual 3 Akta ibu yang dimasukkan melalui pindaan dalam subseksyen (1); dan
- (b) Menteri boleh mengenakan syarat-syarat ke atas kelulusan itu dan jika syarat-syarat telah dikenakan ke atas kelulusan itu, Menteri boleh mengenakan syarat-syarat tambahan.

#### **Pindaan Jadual 4**

25. Jadual 4 Akta ibu dipinda dalam subperenggan 2(a) dengan menggantikan perkataan "may elect to claim, within three months after the beginning of the year of assessment in the basis period in which the expenditure was incurred or within such period in that year of assessment as the Director General may allow," dengan perkataan "in the basis period for a year of assessment may elect to claim in a return of his income for that year of assessment".

#### **Pindaan Jadual 4**

26. Jadual 4A Akta ibu dipinda dalam perenggan 3 dengan menggantikan perkataan "may elect to claim within three months after the beginning of the year of assessment in the basis period in which that business commenced or within such further period as the Director General may allow," dengan perkataan "in the basis period for a year of assessment may elect to claim in a return of his income for that year of assessment".

#### **Pindaan Jadual 4c**

27. Jadual 4c Akta ibu dipinda dalam subperenggan 2(a), dengan menggantikan perkataan "2003" dengan perkataan "2005".

**Pindaan Jadual 6**

28. Jadual 6 Akta ibu dipinda—

(a) dalam subsubperenggan 15(l)(b), dengan menggantikan perkataan "four" dengan perkataan "six"; dan

(b) dalam perenggan 35—

(i) dalam subperenggan (a), dengan memasukkan selepas perkataan "issued" perkataan "or guaranteed";

(ii) dengan menggantikan subperenggan (b) dengan subperenggan yang berikut:

"(b) in respect of debentures, other than convertible loan stock, approved by the Securities Commission; or"; dan

(iii) dengan memotong subperenggan (c).

**Pindaan Jadual 7A**

29. Jadual 7A Akta ibu dipinda—

(a) dalam subperenggan (b), dengan memasukkan selepas perkataan "project" perkataan "referred to under subparagraph 5(a) or (b)";

(b) dalam perenggan IA, dengan memasukkan selepas perkataan "qualifying project" perkataan "referred to under subparagraph 8fJ";

(c) dengan memasukkan selepas perenggan IB perenggan yang berikut:

"Ic. Where a person who carries on a business and that business has been in operation for not less than twelve months and that person is a resident in Malaysia for the basis year for a year of assessment has incurred in the basis period for that year of assessment, capital expenditure in relation to an agriculture project in Malaysia for the purpose of any qualifying project referred to under subparagraph 8(d), there shall be

given to that person for that year of assessment a reinvestment allowance of sixty per cent of that expenditure:

Provided that where this paragraph applies to an individual, that individual must be a citizen in the basis year for that year of assessment.";

(d) dalam perenggan 2—

- (i) dengan menggantikan perkataan "or IA" dengan perkataan ", IA or Ic"; dan
- (ii) dengan menggantikan perkataan "the capital expenditure was first incurred." dengan perkataan "a claim for that allowance was first made in the return of his income in respect of that capital expenditure.";

(e) dalam perenggan 2A—

- (i) dengan menggantikan perkataan "or IA" dengan perkataan ", IA or Ic"; dan
- (ii) dengan menggantikan perkataan "company" dengan perkataan "person";

(f) dalam perenggan 3—

- (i) dengan menggantikan perkataan "company" dengan perkataan "person" di mana-mana jua terdapat;
- (ii) dengan menggantikan perkataan "or IA" dengan perkataan ", IA or Ic"; dan
- (iii) dalam proviso, dengan memasukkan selepas perkataan "Sarawak," perkataan "the Federal Territory of Labuan,";

(g) dalam perenggan 4, dengan menggantikan perkataan "company" dengan perkataan "person" di mana-mana jua terdapat;

(h) dalam perenggan 8—

- (i) dalam subperenggan (b), dengan memotong perkataan "or";

- (ii) dalam subperenggan (c), dengan menggantikan noktah di hujung subperenggan itu dengan perkataan "excluding the business of rearing chicken and ducks; or"; dan
- (iii) dengan memasukkan selepas subperenggan (c) subperenggan yang berikut:

"(d) a project undertaken by a person in transforming his business of rearing chicken and ducks from an opened house to a closed house system as verified by the Minister of Agriculture.";

(i) dalam perenggan 9—

- (i) di bawah takrif "capital expenditure", dengan menggantikan perkataan "paragraph IA" dengan perkataan "paragraphs IA and Ic";
- (ii) dalam subperenggan (e), dengan memotong perkataan "or";
- (iii) dalam subperenggan (f), dengan menggantikan koma di hujung subperenggan itu dengan perkataan "; or";
- (iv) dengan memasukkan selepas subperenggan (f) subperenggan yang berikut:

"(g) the construction of chicken and duck houses,";

- (v) dalam subperenggan (ee), dengan memotong perkataan "and";
- (vi) dalam subperenggan (ff), dengan memasukkan selepas koma bernoktah di hujung subperenggan itu dengan perkataan "and";
- (vii) dengan memasukkan selepas subperenggan (ff), subperenggan yang berikut:

"(gg) rearing of chicken and ducks;"

(viii) dengan menggantikan takrif "Eastern Corridor of Peninsular Malaysia" dengan takrif yang berikut:

' "Eastern Corridor of Peninsular Malaysia" means the States of Kelantan, Terengganu and Pahang, and the District of Mersing in the State of Johor;';

(ix) dengan menggantikan noktah di hujung takrif "incurred" dengan koma bernoktah; dan

(x) dengan memasukkan selepas takrif "incurred" takrif yang berikut:

' "operation" means an activity which consists of the carrying on of a business referred to in paragraph 8.;' dan

(j) dengan memasukkan selepas perenggan 10, perenggan yang berikut:

"11. For the purpose of paragraph 1c, where—

(a) a company or a partnership (hereinafter referred to in this subparagraph as "new partnership") commences to carry on a business of rearing chicken and ducks; and

(b) that business is a continuation of a business carried out by a sole proprietor or a partnership (hereinafter referred to in this subparagraph as "old partnership") for a period of not less than twelve months prior to that commencement,

that period, in relation to that company and the new partnership, shall be taken into account in ascertaining the period of not less than twelve months referred to in that paragraph:

Provided that the sole proprietor or any of the partners in the old partnership holds any share in that company or is the partner of the new partnership, as the case may be.

12. Where a person has a source within the meaning of sections 55 to 58, the rules prescribed under paragraph 74 of Schedule 3 shall apply, *mutatis mutandis*, in ascertaining the allowance to be made to that person for a year of assessment under this Schedule."

### BAB III

#### PINDAAN KEPADA AKTA CUKAI PENDAPATAN (PINDAAN) 2002

##### **Permulaan kuat kuasa pindaan kepada Akta Cukai Pendapatan (Pindaan) 2002**

30. Seksyen 31 dan 32 hendaklah berkuat kuasa bagi tahun taksiran 2003 sahaja.

##### **Pindaan seksyen 30**

31. Akta Cukai Pendapatan (Pindaan) 2002, yang disebut "Akta ibu" dalam Bab ini, dipinda dalam perenggan 3>Q(3)(d) dengan menggantikan perkataan "perenggan 46(l)(a) atau seksyen 47 atau 48" dengan perkataan "seksyen 45A, 47, 48, perenggan 46(l)(a) atau 46(l)(ej)" di mana-mana jua terdapat.

##### **Pindaan seksyen 31**

32. Seksyen 31 Akta ibu dipinda dalam subseksyen (2) dengan memasukkan selepas perkataan "30(3)fJj Akta ini" perkataan "yang tidak melebihi tiga puluh lima ribu ringgit".

### BAB IV

#### PINDAAN KEPADA AKTA SETEM 1949

##### **Permulaan kuat kuasa pindaan kepada Akta Setem 1949**

33. Seksyen 34, 35 dan 36 hendaklah mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2003.

**Pindaan seksyen 9**

34. Akta Setem 1949, yang di sebut "Akta ibu" dalam Bab ini, dipinda dalam perenggan 9(l)(c), dengan menggantikan perkataan "five hundred ringgit" dengan perkataan "two hundred ringgit".

**Pindaan seksyen 4?A**

35. Seksyen 4?A Akta ibu dipinda dalam subseksyen (1)—

- (a) dalam perenggan (a), dengan menggantikan perkataan "fifty per centum" dengan perkataan "five per centum";
- (b) dalam perenggan (b), dengan menggantikan perkataan "one hundred per centum" dengan perkataan "ten per centum"; dan
- (c) dalam perenggan (c), dengan menggantikan perkataan "two hundred per centum" dengan perkataan "twenty per centum". .

**Pindaan Jadual Pertama**

36. Jadual Pertama Akta ibu dipinda—

- (a) dalam butiran 22 dengan memasukkan selepas subbutiran (4) subbutiran yang berikut:

"(5) Being the security for securing the payment for the provision of services or facilities or to other matters or things in connection with the lease of any immovable property	The same duty as a LEASE"; dan
---	--------------------------------

(b) dalam butiran 49 di bawah tajuk "Description of Instrument"—

- (i) dengan memasukkan selepas perkataan "LEASE OR AGREEMENT FOR LEASE" perkataan "of any immovable property and for securing the payment for the provision of services or facilities or to other matters or things in connection with such lease";
- (ii) dalam subperenggan (a), dengan memasukkan selepas perkataan "average rent" perkataan "and other considerations"; dan
- (iii) dalam subperenggan (c), dengan memasukkan selepas perkataan "a rent" perkataan "or other consideration".

## BAB V

### PINDAAN KEPADA AKTA CUKAI AKTIVITI PERNIAGAAN LUAR PESISIR LABUAN 1990

#### **Permulaan kuat kuasa pindaan kepada Akta Aktiviti Perniagaan Luar Pesisir Labuan 1990**

37. Seksyen 38, 39 dan 40 hendaklah berkuat kuasa bagi tahun taksiran 2004 dan tahun-tahun taksiran yang berikutnya.

#### **Pindaan seksyen 2**

38. Akta Cukai Aktiviti Perniagaan Luar Pesisir Labuan 1990, yang disebut "Akta ibu" dalam Bab ini, dipinda dalam seksyen 2—

(a) dalam subseksyen (1)—

- (i) dengan memasukkan selepas takrif "Labuan" takrif yang berikut:

\* "bank luar pesisir Malaysia berlesen" mempunyai erti yang diberikan kepadanya oleh Akta Bank Luar Pesisir 1990 [Akta 443] iaitu adalah pejabat sebuah bank Malaysia;';

- (ii) dalam takrif "syarikat luar pesisir" dengan memasukkan selepas perkataan "Akta itu" perkataan ", suatu bank luar pesisir Malaysia berlesen, suatu perkongsian terhad luar pesisir"; dan
- (iii) dengan memasukkan selepas takrif "perniagaan insuran luar pesisir" takrif yang berikut:

' "perkongsian terhad luar pesisir" mempunyai erti yang diberikan kepadanya oleh Akta Perkongsian Terhad Luar Pesisir 1997 [Akta 565]"; dan

(b) dalam subseksyen (3)—

- (i) dalam perenggan (a), dengan memasukkan selepas koma bernoktah perkataan "or"; dan
- (ii) dengan memotong perenggan (b).

### **Pindaan seksyen 16**

**39.** Akta ibu dipinda dalam seksyen 16—

- (a) dalam perenggan (e), dengan memotong perkataan "dan";
- (b) dalam perenggan (f), dengan menggantikan noktah di hujung perenggan dengan perkataan "; dan"; dan
- (c) dengan memasukkan selepas perenggan (f) perenggan yang berikut:

"(g) dalam hal sesuatu perkongsian, pekongsi atau pekongsi-pekongsi".

### **Seksyen baru 26**

**40.** Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 25 seksyen yang berikut:

#### **"Pengecualian oleh Menteri**

**26.** (1) Menteri boleh, melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta* mengecualikan mana-mana syarikat luar pesisir daripada semua atau mana-mana peruntukan Akta ini sama ada secara

am atau berkenaan dengan keuntungan yang dikenakan cukai bagi syarikat itu.

(2) Apa-apa perintah yang dibuat di bawah subseksyen (1) hendaklah dibentangkan di hadapan Dewan Rakyat."

#### HURAIAN

Rang Uridang-Undang ini bertujuan untuk meminda Akta Cukai Pendapatan 1967 ("Akta 53"), Akta Cukai Pendapatan (Pindaan) 2002 ("Akta A1151"), Akta Setem 1949 ("Akta 378") dan Akta Cukai Aktiviti Perniagaan Luar Pesisir Labuan 1990 ("Akta 445").

#### PINDAAN KEPADA AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967

Bab II Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk meminda Akta Cukai Pendapatan 1967.

2. *Fasal 4* bertujuan untuk memotong perenggan 6(l)(g) Akta 53 bagi membolehkan syarikat bertaraf ibu pejabat operasi yang diluluskan dikecualikan daripada cukai.

Pindaan ini berkuat kuasa untuk tahun taksiran 2003 dan tahun-tahun taksiran yang berikutnya.

3. *Fasal 5* bertujuan untuk meminda seksyen 7 Akta 53. Seksyen 7 adalah peruntukan untuk menentukan status pemastautin individu. Sekiranya seseorang individu berada di Malaysia dalam tahun asas untuk tempoh kurang daripada 182 hari dan tempoh tersebut bersambung dengan atau kepada suatu tempoh 182 hari atau lebih yang berturutan, individu tersebut adalah pemastautin dalam tempoh asas tersebut. Cadangan pindaan memberi kelonggaran bagi membenarkan ketiadaan sementara individu dalam tempoh yang menyambungkan dua tempoh tersebut.

Pindaan ini berkuat kuasa untuk tahun taksiran 2002 dan tahun-tahun taksiran yang berikutnya.

4. *Fasal 6* bertujuan untuk memotong seksyen 11 Akta 53. Dengan memotong seksyen 11, menduduki premis yang bukan untuk tujuan perniagaan tidak lagi merupakan suatu punca pendapatan.

*Fasal 9, 10 dan 21* bertujuan untuk memotong seksyen 31, 37 dan 128 Akta 53, masing-masingnya dan *fasal 22* bertujuan untuk meminda subseksyen 131(2) Akta 53. Pindaan-pindaan ini berbangkit daripada pemotongan seksyen 11 Akta 53.

Pindaari ini berkuat kuasa bagi tahun taksiran 2003 dan tahun-tahun taksiran yang berikutnya.

5. *Fasal 7* bertujuan untuk meminda seksyen 15A Akta 53. Dengan pindaan ini, skop perolehan untuk perkhidmatan yang disebut di dalam perenggan ISA (a) dan (b) Akta 53 dihadkan untuk perkhidmatan yang dilakukan di Malaysia.

Pindaan ini berkuat kuasa mulai 21 September 2002.

6. *Fasal 8* bertujuan untuk meminda seksyen 18 Akta 53. Pindaan yang dicadangkan bertujuan untuk memasukkan takrif baru "licensed Malaysian offshore bank" berbangkit daripada pindaan kepada seksyen 60c Akta 53.

Pindaan ini berkuat kuasa bagi tahun taksiran 2003 dan tahun-tahun taksiran yang berikutnya.

7. *Fasal 11* bertujuan untuk meminda seksyen 38 Akta 53 berbangkit daripada pindaan kepada seksyen 37.

Pindaan ini berkuat kuasa bagi tahun taksiran 2003 dan tahun-tahun taksiran yang berikutnya.

8. *Fasal 12* bertujuan untuk meminda seksyen 60c Akta 53. Pindaan ini bertujuan untuk mengeluarkan pendapatan kasar, pendapatan larasan atau kerugian larasan dan pendapatan statutori berkaitan dengan aktiviti perniagaan luar pesisir yang dijalankan oleh cawangan bank luar pesisir milik bank Malaysia daripada perniagaan perbankan di Malaysia yang dikenakan cukai di bawah Akta 53.

Pindaan ini berkuat kuasa bagi tahun taksiran 2003 dan tahun-tahun taksiran yang berikutnya.

9. *Fasal 13* bertujuan untuk memotong seksyen 60e Akta 53. Dengan pindaan ini syarikat bertaraf ibu pejabat operasi yang diluluskan boleh dikecualikan dari cukai melalui perintah pengecualian yang dibuat di bawah seksyen 127 Akta 53.

Pindaan ini berkuat kuasa bagi tahun taksiran 2003 dan tahun-tahun taksiran yang berikutnya.

10. *Fasal 14* dan *75* bertujuan untuk meminda seksyen 75 Akta 53 dan memasukkan seksyen baru 75A kepada Akta 53 masing-masingnya. Seksyen baru 75A dimasukkan untuk menjadikan mana-mana pengarah dan mana-mana orang yang bertanggungjawab kepada pengurusan perniagaan syarikat dan sama ada dengan sendirinya atau bergabung dengan seorang atau lebih dalam maksud subseksyen 139(7), adalah tuan punya, atau yang boleh secara langsung atau melalui perantaraan syarikat lain atau tidak secara langsung, memegang lebih daripada 50 peratus modal saham biasa syarikat, adalah bersesama dan bersekali menanggung cukai syarikat yang terhutang dan kena bayar.

Pindaan ini berkuat kuasa mulai tarikh berkuatkuasanya Akta ini.

11. *Fasal 17* bertujuan untuk memasukkan seksyen baru 82A. Sebelum cadangan nndaan, tanggungjawab menyimpan rekod hanya terpakai bagi seseorang yang menjalankan perniagaan. Seksyen baru menghendaki tiap-tiap orang menyimpan rekod bagi tempoh tujuh tahun daripada berakhirnya tahun taksiran untuk menentukan pendapatan bercukai dan cukai kena bayar.

Pindaan ini berkuat kuasa bagi tahun taksiran 2003 dan lahun-tahun taksiran yang berikutnya.

12. *Fasal 18* bertujuan untuk meminda seksyen 107A Akta 53. Pindaan perenggan 107A(1)faJ bertujuan untuk mengurangkan kadar cukai pegangan atas manatana bayaran kontrak kepada kontraktor tidak bermastautin daripada lima belas peratus kepada sepuluh peratus.

*Fasal 18* selanjutnya meminda perenggan *lQIA(l)(b)* untuk mengurangkan kadar cukai pegangan bagi cukai pendapatan pekerja kepada kontraktor tidak bermastautin dari lima peratus kepada tiga peratus.

Pindaan ini berkuat kuasa mulai 21 September 2002.

13. *Fasal 19* bertujuan untuk meminda seksyen 108 Akta 53. Subseksyen (!A) baru dimasukkan untuk menentukan kadar potongan cukai yang dikenakan ke atas dividen yang diagihkan oleh syarikat modal berbayar kurang daripada dua juta lima ratus ribu ringgit.

Pindaan ini berkuat kuasa bagi tahun taksiran 2003 dan tahun-tahun taksiran yang berikutnya.

Subseksyen baru (16) dimasukkan bagi membolehkan Ketua Pengarah meremitkan amaun yang dinaikkan di bawah Subseksyen (7), (9) atau (10) seksyen 108 Akta 53.

Pindaan ini disifatkan telah mula berkuat kuasa bagi tahun taksiran 2001 dan tahun-tahun taksiran yang berikutnya.

14. *Fasal 20* bertujuan untuk meminda seksyen 111 Akta 53. Subseksyen baru (1 A) dimasukkan bagi menyelaraskan prosedur pematuhan Sistem Taksir Sendiri. Sekiranya syarikat telah membayar cukai melebihi amaun kena bayar disebabkan oleh tolakan cukai di bawah seksyen 110, penyata cukai pendapatan yang dikemukakan oleh syarikat itu dianggap sebagai satu pemberitahuan bayaran balik cukai dan pemberitahuan tersebut dianggap telah diserahkan kepada syarikat pada hari penyata tersebut dikemukakan.

Pindaan ini berkuat kuasa bagi tahun taksiran 2003 dan tahun-tahun taksiran yang berikutnya.

15. *Fasal 23* bertujuan untuk meminda Jadual 1 Akta 53 untuk memasukkan dua kadar untuk syarikat bermastautin di Malaysia yang mempunyai modal berbayar kurang daripada dua juta lima ratus ribu ringgit pada awal tempoh asas bagi sesuatu tahun taksiran.

Pindaan ini berkuat kuasa bagi tahun taksiran 2003 dan tahun-tahun taksiran yang berikutnya.

16. *Fasal 24* bertujuan untuk meminda Jadual 3 Akta 53. Perenggan baru 80 dimasukkan untuk memberi kuasa kepada Menteri untuk menetapkan suatu bangunan sebagai bangunan industri dan amaun elaun-elaun.

Pindaan ini berkuat kuasa mulai 21 September 2002.

17. *Fasal 25* bertujuan untuk meminda Jadual 4 Akta 53. Pindaan ini dimasukkan berbangkit selaras dengan kehendak pematuhan Sistem Taksiran Tahun Semasa. Seseorang yang telah melakukan perbelanjaan penjelajahan yang layak dalam tahun asas untuk sesuatu tahun taksiran dan memilih untuk membuat tuntutan, hendaklah membuat tuntutan dalam penyata bagi tahun taksiran tersebut. Pindaan yang sama dibuat kepada Jadual 4A Akta 53 dalam *fasal 26* bagi maksud perbelanjaan penternakan yang layak.

Pindaan ini disifatkan telah mula berkuat kuasa bagi tahun taksiran 2000 (tahun semasa) dan tahun-tahun taksiran yang berikutnya.

18. *Fasal 28* bertujuan untuk meminda Jadual 6 Akta 53. Subperenggan *15(l)(b)* dipinda untuk menaikkan amaun yang dikecualikan atas pendapatan pampasan bagi kehilangan pekerjaan dari empat ribu ringgit kepada enam ribu ringgit.

*Fasal 28* selanjutnya bertujuan untuk meminda perenggan 35 Jadual 6 Akta 53 kerana faedah yang dibayar atau dikredit kepada mana-mana individu, unit amanah dan dana tertutup disenaraikan yang berkaitan dengan sekuriti atau bon yang dikeluarkan atau dijamin oleh Kerajaan dan berkaitan dengan debentur selain stok pinjaman yang boleh ditukar yang diluluskan oleh Suruhanjaya Sekuriti adalah dikecualikan dari cukai.

Pindaan ini berkuat kuasa bagi tahun taksiran 2003 dan tahun-tahun taksiran yang berikutnya.

19. *Fasal 29* bertujuan untuk meminda Jadual 7A Akta 53. Satu projek yang dijalankan oleh seseorang dengan mengubah perniagaan penternakan ayam dan itik dari sistem terbuka kepada tertutup yang disahkan oleh Menteri Pertanian dimasukkan sebagai satu projek baru yang layak.

*Fasal 29* seterusnya memperuntukkan bahawa suatu tuntutan hendaklah dibuat bagi tujuan elaun pelaburan semula dan tempoh lima belas tahun taksiran bermula dari tahun taksiran pertama tuntutan dibuat dalam penyata pendapatannya.

Pindaan ini berkuat kuasa bagi tahun taksiran 2003 dan tahun-tahun taksiran yang berikutnya.

PINDAAN KEPADA AKTA CUKAI PENDAPATAN (PINDAAN) 2002

Bab III Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk meminda Akta Cukai Pendapatan (Pindaan) 2002.

20. *Fasal 31* bertujuan untuk meminda perenggan 3Q(3)(d) Akta A1 151. Pindaan yang dicadangkan memperuntukkan potongan tambahan berkenaan dengan individu kurang upaya. Selanjutnya, sekiranya pilihan dibuat oleh suami untuk ditaksir bersama di bawah nama isteri di bawah seksyen 45A Akta 53, isteri akan diberi potongan tambahan untuk suami.

Pindaan ini berkuat kuasa bagi tahun taksiran 2003 sahaja.

21. *Fasal 32* bertujuan untuk meminda seksyen 31 Akta A1151 untuk mengadakan peruntukan tentang seseorang yang mempunyai pendapatan yang kena cukai daripada perniagaan di bawah perenggan 30(3)(d) Akta A1 151 yang tidak melebihi tiga puluh lima ribu ringgit, yang rebatnya dinaikkan mengikut formula yang dinyatakan dalam perenggan tersebut.

Pindaan ini berkuat kuasa bagi tahun taksiran 2003 sahaja.

PINDAAN KEPADA AKTA SETEM 1949

Bab IV Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk meminda Akta Setem 1949.

22. *Fasal 34* bertujuan untuk meminda perenggan 9(l)(c) Akta 378. Sebelum pindaan kepada perenggan 9(l)(c), kegagalan meremit amaun terhutang yang dipungut oleh jurubank, broker saham atau penanggung insurans ke atas cek yang tidak disetamkan, nota kontrak atau polisi insurans dalam tempoh masa yang ditetapkan, mengakibatkan suatu bayaran amaun tambahan sebanyak lima ratus ringgit dikenakan. Dengan pindaan ini, amaun tersebut dikurangkan kepada dua ratus ringgit.

Pindaan ini berkuat kuasa mulai 1 Januari 2003.

23. *Fasal 35* bertujuan untuk meminda subseksyen 4?A(1) Akta 378 untuk mengurangkan amaun penalti kerana setem lewat.

Pindaan ini berkuat kuasa mulai 1 Januari 2003.

24. *Fasal 36* bertujuan untuk meminda Jadual Pertama Akta 378 bagi mengadakan peruntukan duti setem bagi surat cara sewa atau perjanjian untuk penyewaan harta tidak alih dan untuk bayaran bagi perkhidmatan atau kemudahan atau perkara-perkara lain berkaitan dengan sewa di bawah butiran 49(a) Akta 378. Sebelum pindaan ini, duti setem surat cara berkenaan masuk di bawah butiran 22(l)(a) Akta 378.

Pindaan ini berkuat kuasa mulai 1 Januari 2003.

PINDAAN KEPADA AKTA CUKAI AKTIVITI PERNIAGAAN LUAR  
PESISIR LABUAN 1990

Bab V Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk meminda Akta Cukai Aktiviti Perniagaan Luar Pesisir Labuan 1990.

25. *Fasal 38* bertujuan untuk meminda seksyen 2 Akta 445 dalam takrif "syarikat luar pesisir" untuk memasukkan "bank luar pesisir Malaysia berlesen" dan "perkongsian terhad luar pesisir".

Pindaan ini berkuat kuasa bagi tahun 2004 dan tahun-tahun taksiran yang berikutnya.

26. *Fasal 39* bertujuan untuk meminda seksyen 16 Akta 445. Pindaan yang dicadangkan bertujuan untuk memasukkan perenggan baru (g) yang berbangkit daripada pindaan kepada seksyen 2 Akta 445.-

Pindaan ini berkuat kuasa bagi tahun 2004 dan tahun-tahun taksiran yang berikutnya.

27. *Fasal 40* bertujuan untuk memasukkan seksyen baru 26 dalam Akta 445 untuk member! kuasa kepada Menteri untuk mengecualikan mana-mana syarikat pesisir daripada kesemua atau mana-mana peruntukan Akta 445 melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta*.

Pindaan ini berkuat kuasa bagi tahun 2004 dan tahun-tahun taksiran yang berikutnya.

AM

28. Pindaan lain yang tidak diperkatakan secara khusus dalam Huraian ini adalah pindaan yang kecil atau berbangkit. .

*IMPLIKASI KEWANGAN*

29. Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan.

[PN(U<sup>2</sup>)2315]